



**Kenyataan Media
(Untuk Siaran Segera)
RABU, 20 JUN 2012**

LEBUHRAYA LATAR – PEMBUKAAN KAWASAN REHAT (R&R) KUNDANG BARAT DAN KUNDANG TIMUR

KUALA LUMPUR – Lebuhraya KL-Kuala Selangor Berhad (LATAR) hari ini mengumumkan pembukaan rasmi kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Lebuhraya LATAR yang terletak di Kundang Barat dan Kundang Timur. Majlis pembukaan kawasan R&R ini telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah LLM, Y.Bhg Dato' Ir Haji Ismail bin Md Salleh. Turut hadir sama pada majlis tersebut adalah wakil kepada Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, En. Shashim Shah Bin Harun.

Kawasan R&R ini merupakan sebahagian daripada komitmen Lebuhraya LATAR untuk memastikan perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada pengguna lebuhraya ini. Ianya dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang mesra pengguna seperti surau, tandas, dan gerai makanan dan minuman. Ini pasti dapat memberikan kemudahan dan keselesaan kepada para pengguna LATAR yang singgah untuk mendapatkan kemudahan perkhidmatan tersebut.

“Menjadi tanggungjawab pihak pengurusan LATAR untuk menyediakan kemudahan asas serta mesra pelanggan bagi memastikan keselesaan para pengguna LATAR. Dengan adanya pembukaan gerai makanan dan minuman ini, maka ia akan memudahkan pengguna untuk berehat sambil menikmati juadah semasa perjalanan mereka” kata Y. Bhg Dato Ir Razali Othman, Pengerusi KL-Kuala Selangor Expressway Berhad semasa majlis pembukaan tersebut.

“Sejumlah lima (5) buah gerai makanan serta minuman akan mula beroperasi secara rasminya kepada para pengguna Lebuhraya LATAR dan jika sambutan terhadap gerai tersebut menggalakkan, pihak kami akan menambah bilangan gerai di setiap kawasan rehat” tambah beliau lagi.

Pada majlis ini, pihak LATAR juga melancarkan Program Tanggungjawab Korporat Sosialnya iaitu “Program Kumpul Dan Menang” bagi Kutipanan Resit Tol Lebuhraya LATAR antara Sekolah-Sekolah Rendah Daerah Gombak dan Kuala Selangor. Turut berlangsung adalah penyampaian hadiah kepada para pemenang utama Pertandingan Foto Facebook LATAR yang berakhir pada 30 April yang lalu.

Lebuhraya LATAR sepanjang 33km ini menghubungkan Kuala Lumpur dengan Kuala Selangor. Terdapat empat persimpangan di sepanjang lebuhraya ini yang menghubungkan ke beberapa bandar seperti Kuala Selangor, Assam Jawa, Ijok, Bestari Jaya (Batang Berjuntai), Kota Puteri, Puncak Alam, Shah Alam, Bukit Jelutong, Sungai Buloh, Kundang, Rawang dan Selayang. Lebuhraya LATAR memberikan pilihan yang lebih cepat dan selamat bagi perjalanan pengguna ke Petaling Jaya dan Kuala Lumpur dari bandar-bandar tersebut.

Untuk maklumat lanjut, pengguna boleh menghubungi talian LATAR 03-6145 1515 atau layari www.latar.com.my atau www.facebook.com/latar-expressway.com.

MENGENAI KL-KUALA SELANGOR EXPRESSWAY BERHAD

KL-Kuala Selangor Expressway Berhad (KLSEB) merupakan syarikat konsesi Lebuhraya KL-Kuala Selangor (Lebuhraya LATAR) yang dahulunya dikenali sebagai Leburaya Assam Jawa Taman Rimba Bhd (LATAR) dan telah ditubuhkan pada tahun 1996. KLSEB adalah anak syarikat Bina Puri Holdings Berhad (50%) dan Rafulin Holdings Sdn Bhd melalui anak syarikat milik penuh Arena Irama Sdn Bhd,

Pembinaan Lebuhraya LATAR KL-Kuala Selangor dimulakan pada tahun 2008 apabila perjanjian konsesi tambahan telah ditandatangani pada 28 Februari 2008 dengan Kementerian Kerja Raya yang mewakili Kerajaan Malaysia.

Syarikat telah mendapat pembiayaan kewangan pada Oktober 2008 dengan jumlah RM1.04 bilion pinjaman daripada Bank Pembangunan Malaysia dan Pembangunan Islam.

Syarikat telah mendapat 40 tahun konsesi di Lebuhraya LATAR di bawah skim Build-Operate-Transfer (BOT) di mana syarikat bertanggungjawab untuk membiayai, merekabentuk, membina, mengendalikan dan menyelenggara lebuhraya tersebut.

Lebuhraya KL-Kuala Selangor Berhad (Lebuhraya LATAR)

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Surati Sujor di +6013 2660207/Hairunnisa Kastolany di +019-278 0714

###